



HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU  
DENGAN KEPUASAN KERJA GURU  
PROGRAM PENDIDIKAN KHAS  
INTEGRASI DI PETALING  
PERDANA, SELANGOR



MUHAMMAD FADHIL BIN RITIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPUASAN KERJA  
GURU PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI DI PETALING PERDANA

MUHAMMAD FADHIL BIN RITIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KHAS  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

UPSI/PTB-ABO/01  
Rev: 00 msc. 0/1

Sila tandai (+)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|  |
|--|
|  |
|  |
|  |
|  |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13.....(hari bulan) Julai.....(bulan) 2023

## i. Perakuan pelajar:

Saya, Muhammad Fachli bin Riffin (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO, Matrik DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Kepuasan Kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi Di Petaling Perdana

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

fachli  
Tandatangan pelajar

## ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Dr. Abdul Rahim bin Razali (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Kepuasan Kerja Guru Program Pendidikan Khas Di Petaling Perdana

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sipenohnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Khas) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13/Julai/2023  
Tarikh

Prof. Dr. Abdul Rahim bin Razali  
Tandatangan Penyelia  
Prof. Dr. Abdul Rahim bin Razali  
Penjaja Akademik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(PUS/PS 350.31-  
Rev. 01 m/s 1/1)
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPULASAN KERJA GURU  
PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI DI PETALING BERDANA

No. Matrik / Matric's No.: M20172001781

Saya / I: MUHAMMAD FADHEL BIN RITIN  
(Name of student / Student's Name)

mengakui membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rami 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditetapkan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Fadhel  
(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 13/Jul/2023

[Signature]  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)  
Pusat Dr Abdul Rahim Bin Razali  
Pegawai Akademik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/kepentingan berkenaan dengan membolehkan akses terbuka dan tempoh laporan ini perlu dibenarkan sebagai SULIT dan TERHAD.

/Note: If the Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with permit and reasons for confidentiality or restricted.



## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur kehadiran illahi Allah S.W.T. dengan limpah rahmat-NYA telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya. Kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada penyelia saya, Professor Dr. Rahim bin Razalii kerana sentiasa membimbing saya sepanjang penyelidikan ini. Kesabaran, pengetahuan, dan kepakarannya telah membantu saya memahami kajian penyelidikan saya. Dia mengorbankan masa untuk membimbing saya dan ia adalah sesuatu yang tidak boleh dibayar. Terima kasih banyak untuk pengetahuan dan pengalaman ini. Saya juga ingin mendedikasikan terima kasih khas kepada keluarga saya atas sokongan moral dan kewangan mereka dari permulaan pengajian sehingga penyelidikan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang juga mendukung saya untuk menjalankan kajian penyelidikan ini. Tidak lupa, terima kasih kepada 100 orang guru sekolah menengah dan sekolah rendah di daerah Petaling Perdana yang sudi menjawab soal selidik tinjauan saya dan memberikan kerjasama penuh kepada saya ketika data dikumpulkan. Tanpa mereka, projek penyelidikan saya tidak akan lengkap dan objektif kajian penyelidikan tidak akan tercapai. Akhir sekali, kepada mereka yang telah membantu saya sepanjang masa pengajian saya, terutama sekali pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia yang telah mengajar saya dan rakan-rakan sepengajian saya, terima kasih banyak, semoga Allah SWT. memberkati kami.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana. Kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada 100 orang guru Program pendidikan khas Integrasi (PPKI). Kajian ini telah melihat beban tugas guru yang dipengaruhi oleh beban tugas akademik dan bukan akademik. Data analisis menggunakan statistik inferensi, korelasi dan Ujian-t. Bagi menjalankan kajian ini kaedah soal selidik yang menggunakan skala Likert 5 mata atau (1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Bersetuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju) telah digunakan. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu instrumen soal selidik beban tugas guru yang mempunyai 55 item dan instrumen soal selidik kepuasan kerja Minnesota versi pendek digunakan untuk mengukur kepuasan kerja mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap beban tugas guru dan kepuasan kerja ditahap yang tinggi iaitu ( $M = 4.31$ ,  $SP = 0.49$ ). Manakala Ujian Korelasi Pearson dilakukan untuk mengkaji hubungan antara beban tugas guru (beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik) dengan kepuasan kerja. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja ( $r = 0.377$ ,  $p = 0.000 < 0.01$ ), beban tugas akademik ( $r = 0.352$ ,  $p = 0.000 < 0.01$ ) dan beban tugas bukan akademik ( $r = 0.376$ ,  $\text{sig} = 0.001$ ,  $p > 0.05$ ). Ujian-t tidak bersandar pula dilakukan bagi mengkaji perbezaan jantina guru terhadap kepuasan kerja. Hasil kajian mendapati tiada perbezaan antara guru lelaki dan perempuan terhadap kepuasan kerja ( $p = 0.015 > \text{tahap } 0.05$ ). Kajian ini memperlihatkan terdapat beban tugas guru dengan kepuasan kerja guru justeru kajian ini mencadangkan KPM mewujudkan khidmat sokongan guru kedua bagi meringankan beban tugas guru dan kepuasan kerja guru.



## **RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS TASKLOAD AND JOB SATISFACTION TOWARD SPECIAL EDUCATION INTEGRATION TEACHERS PROGRAM AT PETALING PERDANA, SELANGOR**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the relationship between the task load teacher's and job satisfaction toward the Special Education Integration Program at Petaling Perdana. Quantitative studies were used in this study. Respondents of this study consist of 100 teachers in the Special Education Integration Program. This study has looked at the level of teacher task load influenced by academic and non-academic tasks. The data were analyzed using inferential statistics, correlation and t-test. To conduct this study, the questionnaires used 5 points Likert scale or (1 = Strongly Disagree, 2 = Disagree, 3 = Less Agree, 4 = Agree and 5 = Strongly Agree). Two instruments were utilized, the teacher workload survey with 55 items and the short version of the Minnesota Job Satisfaction Questionnaire was used to measure their job satisfaction. The research findings show that the level of teacher workload and job satisfaction is high ( $M = 4.31$ ,  $SD = 0.49$ ). Pearson correlation was used to examine the relationship between teacher workload (academic and non-academic tasks) and job satisfaction. The results indicate a significant correlation between teacher workload and job satisfaction ( $r = 0.377$ ,  $p = 0.000 < 0.01$ ), academic workload ( $r = 0.352$ ,  $p = 0.000 < 0.01$ ), and non-academic workload ( $r = 0.376$ ,  $\text{sig} = 0.001$ ,  $p > 0.05$ ). An independent t-test was conducted to examine the gender differences in job satisfaction among teachers. The results show that there is no significant difference between male and female teachers in job satisfaction ( $p = 0.15 > 0.05$  level of significance). This study reveals the impact of teacher workload on job satisfaction, thus suggesting that the Ministry of Education should establish a second support service to alleviate teacher workload and enhance their job satisfaction.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

|                                        |     |
|----------------------------------------|-----|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>     | ii  |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b> | iii |
| <b>PENGHARGAAN</b>                     | iv  |
| <b>ABSTRAK</b>                         | v   |
| <b>ABSTRACT</b>                        | vi  |
| <b>KANDUNGAN</b>                       | vii |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                  | xii |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                   | xiv |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>               | xv  |
| <b>BAB 1            PENGENALAN</b>     | 1   |
| 1.1    Pengenalan                      | 1   |
| 1.2    Latar belakang kajian           | 4   |
| 1.3    Pernyataan Masalah              | 10  |
| 1.4    Tujuan Kajian                   | 15  |
| 1.5    Objektif Kajian                 | 15  |
| 1.6    Persoalan Kajian                | 16  |





|              |                                               |    |
|--------------|-----------------------------------------------|----|
| 1.7          | Hipotesis Kajian                              | 16 |
| 1.8          | Kerangka Konseptual Kajian                    | 17 |
| 1.9          | Definisi Operasional                          | 19 |
| 1.9.1        | Beban Tugas Akademik                          | 19 |
| 1.9.2        | Beban Tugas Bukan Akademik                    | 20 |
| 1.9.3        | Kepuasan Kerja                                | 21 |
| 1.9.4        | Pendidikan Khas                               | 21 |
| 1.10         | Batasan Kajian                                | 22 |
| 1.11         | Kepentingan Kajian                            | 23 |
| 1.12         | Rumusan                                       | 24 |
| <b>BAB 2</b> | <b>TINJAUAN LITERATUR</b>                     | 26 |
| 2.1          | Pengenalan                                    | 26 |
| 2.2          | Teori Beban Tugas (Teori Jangka Victor Vroom) | 27 |
| 2.3          | Teori kepuasan kerja                          | 29 |
| 2.4          | Beban Tugas Guru                              | 32 |
| 2.5          | Kepuasan kerja                                | 40 |
| 2.6          | Kesimpulan                                    | 45 |
| <b>BAB 3</b> | <b>METODOLOGI</b>                             | 47 |
| 3.1          | Pengenalan                                    | 47 |
| 3.2          | Reka Bentuk Kajian                            | 48 |
| 3.3          | Lokasi Kajian                                 | 51 |
| 3.4          | Populasi dan Sampel Kajian                    | 51 |

|              |                                                                                 |           |
|--------------|---------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 3.5          | Instrumen Kajian                                                                | 54        |
| 3.5.1        | Bahagian A: Soal selidik ciri-ciri demografi                                    | 54        |
| 3.5.2        | Bahagian B: Beban Tugas                                                         | 55        |
| 3.5.3        | Bahagian C: Kepuasan Kerja ( <i>Minnesota Satisfaction Questionnaire</i> (MSQ)) | 56        |
| 3.6          | Pemboleh Ubah Kajian                                                            | 56        |
| 3.6.1        | Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Pemboleh Ubah Bebas)                             | 57        |
| 3.6.2        | Pemboleh Ubah Bersandar                                                         | 57        |
| 3.7          | Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen                                          | 57        |
| 3.7.1        | Kesahan Muka ( <i>Face Validity</i> )                                           | 58        |
| 3.7.2        | Kesahan Kandungan ( <i>Content Validity</i> )                                   | 59        |
| 3.7.3        | Kesahan Konstruk ( <i>Construct Validity</i> )                                  | 64        |
| 3.8          | Kajian Rintis                                                                   | 65        |
| 3.9          | Prosedur Pengumpulan Data                                                       | 68        |
| 3.9.1        | Analisis Hubungan Beban Tugas dengan Kepuasan Kerja                             | 70        |
| 3.10         | Prosedur Penganalisa Data                                                       | 71        |
| 3.10.1       | Analisis deskriptif                                                             | 71        |
| 3.10.2       | Analisis inferensi                                                              | 72        |
| 3.10.3       | Analisa Kolerse                                                                 | 72        |
| 3.11         | Rumusan                                                                         | 73        |
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                                           | <b>74</b> |
| 4.1          | Pengenalan                                                                      | 74        |

|              |                                                                                                                                             |           |
|--------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 4.2          | Profil Demografi Kajian                                                                                                                     | 76        |
| 4.3          | Analisis Dapatan Kajian                                                                                                                     | 77        |
| 4.3.1        | Mengenal pasti tahap beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.                     | 78        |
| 4.3.2        | Analisis hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana                  | 85        |
| 4.3.2.1      | Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.                                                                                      | 85        |
| 4.3.3        | Mengenal pasti hubungan antara beban tugas akademik dengan Kepuasan Kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.       | 86        |
| 4.3.3.1      | Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.                                                                                 | 86        |
| 4.3.4        | Mengenal pasti hubungan antara beban tugas bukan akademik dengan kepuasan kerja guru program pendidikan khas integrasi di Petaling Perdana. | 87        |
| 4.3.5        | Mengenal pasti perbezaan antara jantina terhadap kepuasan kerja guru program pendidikan khas integrasi di Petaling Perdana.                 | 88        |
| 4.4          | Rumusan                                                                                                                                     | 90        |
| <b>BAB 5</b> | <b>PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>                                                                                                             | <b>91</b> |
| 5.1          | Pengenalan                                                                                                                                  | 91        |
| 5.2          | Ringkasan Dapatan Kajian                                                                                                                    | 92        |
| 5.3          | Perbincangan                                                                                                                                | 92        |
| 5.4          | Implikasi Kajian                                                                                                                            | 96        |
| 5.5          | Cadangan Kajian                                                                                                                             | 97        |

## 5.6 Penutup

99

## RUJUKAN

103

## LAMPIRAN

108

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                           | Muka Surat |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1        | Bilangan Guru Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) 2018                                       | 52         |
| 3.2        | Bilangan Item Beban Tugas Akademik dan Bukan Akademik                                     | 55         |
| 3.3        | Bilangan Item Kepuasan Kerja                                                              | 56         |
| 3.4        | Purata Indeks CVI Kesahan Kandungan Oleh Pakar                                            | 61         |
| 3.5        | Indeks kebolehppercayaan Alpha Cronbach bagi sub konstruk dalam aspek beban tugas guru    | 67         |
| 3.6        | Indeks kebolehppercayaan Alpha Cronbach bagi sub konstruk dalam aspek kepuasan kerja guru | 68         |
| 3.7        | Rule of Thumb, Guilford (1973)                                                            | 70         |
| 3.8        | Nilai julat bagi kekuatan hubungan antara pemboleh ubah                                   | 73         |
| 4.1        | Taburan Demografi Responden                                                               | 76         |
| 4.2        | Tahap beban tugas akademik                                                                | 78         |
| 4.3        | Beban tugas bukan akademik                                                                | 81         |
| 4.4        | Kepuasan kerja                                                                            | 83         |
| 4.5        | Tahap beban tugas dengan kepuasan kerja guru                                              | 84         |
| 4.6        | Korelasi beban tugas dengan kepuasan kerja guru                                           | 85         |
| 4.7        | Korelasi beban tugas akademik dengan kepuasan kerja guru                                  | 86         |

|      |                                                                |    |
|------|----------------------------------------------------------------|----|
| 4.8  | Korelasi beban tugas bukan akademik dengan kepuasan kerja guru | 88 |
| 4.9  | Jantina Guru Program Pendidikan Khas                           | 89 |
| 4.10 | Pebezaan Antara Jantina Dengan Kepuasan Kerja                  | 89 |
| 4.11 | Ringkasan Hipotesis                                            | 90 |

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah                                 | Muka Surat |
|-------------------------------------------|------------|
| 1.1 Kerangka Konseptual Kajian            | 17         |
| 2.1 Teori Beban Tugas                     | 27         |
| 2.2 Teori Kepuasan Kerja                  | 29         |
| 3.1 Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif | 68         |



## SENARAI SINGKATAN

|      |                                                   |
|------|---------------------------------------------------|
| 1M1S | 1 Murid 1 Sukan                                   |
| DSKP | Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran        |
| IPG  | Institut Pendidikan Guru                          |
| KBAT | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi                    |
| KPI  | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi                    |
| KPM  | Kementerian Pendidikan Malaysia                   |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah                 |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas |
| MBK  | Murid Berkeperluan Khas                           |
| MSQ  | <i>Minnesota Satisfaction Questionnaire</i>       |
| P&P  | Pembelajaran dan Pengajaran                       |
| PDPC | Pembelajaran dan Pemudahcara                      |
| PDPR | Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah              |
| PIPP | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan                |
| PMZA | Politeknik sultan Zainal Abidin                   |
| PPD  | Pejabat Pendidikan Daerah                         |
| PPI  | Program Pendidikan Inklusif                       |
| PPKI | Program pendidikan khas Integrasi                 |





|         |                                                  |
|---------|--------------------------------------------------|
| PPPM    | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia            |
| RPI     | Rancangan Pengajaran Individu                    |
| SEM-PLS | Analisis Persamaan Struktur                      |
| SPSS    | <i>Statistical Package ForThe Science Social</i> |
| TJSQ    | <i>Teacher Job Satisfaction Questionnaire</i>    |
| TSI     | <i>Teacher Stress Inventory</i>                  |
| UKM     | Universiti Kebangsaan Malaysia                   |



## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat-Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- C Surat Kelulusan Daripada Pejabat Negeri Selangor





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan secara ringkas tentang kajian yang dijalankan. Bahagian ini merangkumi penjelasan terhadap latar belakang kajian yang meliputi isu-isu yang timbul daripada pemboleh ubah kajian. Seterusnya, bahagian ini merangkumi pernyataan masalah yang membawa kepada mengapa kajian ini perlu dijalankan, kemudian diikuti oleh tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Bab ini juga menjelaskan skop atau batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional yang digunakan secara khusus dan terperinci.

Dalam konteks pendidikan moden hari ini, guru adalah golongan profesional yang melaksanakan tugas ke arah mencapai matlamat pendidikan untuk merealisasikan dan mengembangkan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan masyarakat bagi membina negara yang bertamadun tinggi. Dalam usaha untuk merealisasikan sistem pendidikan





itu, beban tugas dan tanggungjawab kerja di kalangan guru-guru perlu diambil kira (Nahdatul Hazmi, 2019).

Menurut (Nahdatul Hazmi, 2019) guru adalah golongan profesional yang melaksanakan tugas ke arah mencapai matlamat pendidikan, iaitu mengembangkan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan masyarakat bagi membina sebuah negara yang bertamadun. Dalam usaha ini, beban tugas dan tanggungjawab kerja dalam kalangan guru-guru perlu diambil kira ini kerana, setiap kali perubahan kurikulum yang berlaku maka sudah pasti memberi cabaran kepada guru, kesannya ramai guru menghadapi tekanan kerja, kurang bermotivasi serta kepuasan kerja. Pertambahan tugas dan beban tugas yang terbagi secara tidak langsung telah membawa kepada kesan terhadap mutu dan kualiti pengajaran guru.



Perkembangan dalam bidang pendidikan banyak bergantung kepada pengalaman yang dicurahkan oleh guru. Walau bagaimanapun beban tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan atau tidak banyak bergantung kepada individu guru itu sendiri. Beban tugas guru merupakan tugas maupun tanggung jawab rasmi yang telah diberikan oleh pihak sekolah kepada guru untuk dilaksanakan sepanjang masa sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah. Beban tugas guru merujuk kepada semua skop tugas yang perlu dilakukan sama ada yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ataupun tugas di luar skop pengajaran dan pembelajaran. Beban tugas guru terbahagi kepada dua iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik (Hammani & Yassin 2022; Arizul & Dg Norizah 2018; Norashid & Hamzah, 2014).





Tugas akademik merupakan tanggungjawab terhadap tugas hakiki yang perlu diberikan keutamaan oleh guru iaitu merancang, menyampaikan dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran, menyediakan bahan bantu mengajar, menyediakan soalan ujian dan pentaksiran, menganalisis pencapaian murid, merancang dan melaksanakan intervensi, membuat kajian tindakan dan memeriksa hasil kerja murid (Hamdan & M. Al-Muz-Zammil, 2022).

Beban tugas akademik terbahagi kepada dua iaitu pengurusan pengajaran dan pengurusan tugas dan peperiksaan pelajar merupakan tugas utama yang perlu dilaksanakan oleh guru. Pengurusan pengajaran, skop tugas ini guru menyediakan dan melengkapkan buku rekod mengajar harian membuat pengajaran sama ada di dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah dan menyediakan bahan bantu mengajar seperti nota agihan. Seterusnya, guru menyediakan refleksi pengajaran. Manakala pengurusan tugas dan peperiksaan pelajar ialah guru menjalankan tugas menyemak dan memeriksa buku latihan dan buku nota pelajar. Selain itu, guru menyediakan soalan latihan tubi, soalan ujian bulanan, soalan peperiksaan percubaan dan soalan peperiksaan penggal atau semester. Seterusnya guru, bertugas memeriksa kertas jawapan ujian bulanan pelajar, kertas jawapan peperiksaan percubaan pelajar dan kertas jawapan peperiksaan penggal atau semester pelajar. (Arzizul & Dg Norizah, 2018; Norashid & Hamzar, 2014).

Menurut Arzizul dan Dg Norizah (2018) beban tugas bukan akademik terbahagi kepada tiga iaitu Pengurusan hal ehwal pelajar, pengurusan pentadbiran sekolah dan pengurusan kokurikulum. Norashid dan Hamzar (2014) tugas bukan akademik kebanyakannya terdiri daripada tugas sampingan merangkumi bidang kurikulum, hal



ehwal murid dan kokurikulum. Beban tugas bukan akademik diukur melalui rutin harian yang sering dilakukan oleh guru di sekolah.

Kepuasan kerja adalah kepuasan yang dapat dirasakan oleh seseorang terhadap pekerjaan yang dilakukannya. Kepuasan akan mempengaruhi persepsi individu mahupun kumpulan terhadap pekerjaannya dan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi motivasi, komitmen serta matlamat organisasi. Selain itu, komunikasi formal dan tidak formal juga banyak mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan pekerja bawahan. Komunikasi yang lebih banyak memberi kepuasan kepada pekerja adalah komunikasi ke bawah, komunikasi dua hala antara majikan dan pekerja bawahan berbanding komunikasi sehala (Jamilah & Rani, 2017).

Guru pendidikan khas sebagai agen perubahan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi negara selaras dengan falsafah pendidikan khas. Pendidikan khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan.



Guru PPKI juga merupakan agen pelaksana di peringkat sekolah yang menjadi elemen terpenting dalam pedagogi untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Masalah kekurangan guru mengikut opsyen khasnya guru program pendidikan khas integrasi (PPKI) adalah merupakan fenomena yang tidak dapat disangkal lagi. Selain dari itu, setiap guru mahukan kepuasan dalam bidang pekerjaan bagi membolehkan mereka gembira semasa bekerja. Profesion perguruan dilihat sebagai satu profesion yang sering meletihkan dan banyak mengundang tekanan dan memberi kesan yang negatif kepada ahli-ahlinya. Guru yang terlalu terbeban bidang tugasnya dan akibatnya merasa tertekan akan memberi kesan negatif kepada mutu pendidikan negara.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dilaksanakan merupakan medium untuk mendidik anak-anak kelainan upaya menjadi insan yang berjaya dan mengenali budaya serta alam sekeliling serta untuk menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat melalui penerapan tentang kefahaman serta nilai-nilai positif untuk membentuk murid yang mampu berdaya saing dalam kalangan masyarakat Saiful Azam Khoo (2017). Bagi menghasilkan sistem pendidikan seimbang dan sempurna, maka penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan. Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana ia merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial Chian dan Mohamed (2021).

Menurut Saiful Azam Khoo (2017) program pendidikan khas berupaya memberi peluang kepada murid berkeperluan khas untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam diri. Proses pembinaan





individu ini perlu berterusan dan menyeluruh bagi memperkembangan potensi diri mereka. Falsafah Pendidikan semakin hari semakin bermutu dengan rangkuman pelbagai kriteria dan tuntutan yang perlu diterapkan dalam objektif pendidikan. Perubahan semasa di kalangan arus moden dan globalisasi menjadikan keperluan bidang pendidikan perlu dipertingkat dan dipertambahkan cakupannya kepada pengkayaan multi bidang. Selain itu murid berkeperluan khas dapat belajar bersama-sama rakan mereka yang tipikal di dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama untuk menikmati semua kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan ketidakupayaan Norlia Mohd Amin dan Mohd. Hanafi Mohd Yasin (2016).

Berdasarkan permintaan yang tinggi, KPM terpaksa membayar harga yang wujud dalam bentuk bebanan terhadap pelaksanaan dan menghadapi permasalahan sampingannya. Arus pendidikan hari ini semakin mendesak para profesional pendidikan untuk bekerja keras dan lebih masa demi mencapai permintaan tinggi pendidikan tersebut. Di samping usaha peningkatan dan pelaksanaan, guru-guru semakin mula tertekan atau sekurang-kurangnya pernah merasa tertekan dengan 'demand' tinggi bebanan kerjaya pendidikan ini. Hasilnya, secara tidak sedar para guru mengalami tekanan yang dianggap sebagai suatu keuzuran berpotensi mengganggu kelancaran operasi Pendidikan.

Tugas seorang guru bukan hanya berdasarkan kepada tugas hakikinya seperti pengajaran dan perkhidmatan profesional. Ini termasuk menjalankan penyelidikan, pentadbiran, penglibatan dalam jawatankuasa di peringkat sekolah, Daerah, Negeri dan pelbagai tugas yang diberikan dari masa ke semasa. Pengajaran, penyelidikan, khidmat







perundingan dan penglibatan masyarakat merupakan kegiatan teras akademik yang saling berhubungan (Azman et al., 2016).

Menurut Hamdan dan Al-Muz-Zammil (2022) beban tugas juga boleh dirujuk sebagai satu bentuk tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh guru walaupun tanggungjawab ini tidak disenangi. Tugas-Tugas ini termasuk berkaitan pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kokurikulum, pengurusan fail, mesyuarat dan apa-apa yang bersangkutan dengan tugas rasmi sebagai seorang guru sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah. Beban tugas ini juga meliputi aktiviti yang tidak menekan kepada aktiviti bilik darjah tetapi mempunyai perkaitan dengan visi dan misi sekolah.

Selain itu menurut (Nur Hidayah Hisyam et al., 2021) perkembangan sistem pendidikan sekarang ini seperti persediaan pengajaran pembelajaran, kegiatan kokurikulum dan juga tugas-tugas berkaitan dengan perkeranian. Guru juga perlu memastikan kelicinan program sekolah yang telah dirancang sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan. Dengan keadaan ini akan menyebabkan ramai guru menghadapi tekanan emosi dan kurangnya motivasi diri akibat daripada penambahan beban tugas disamping memberi perkhidmatan yang kurang memuaskan terhadap tugas. Penambahan beban tugas ini sudah tentu akan membawa kesan kepada mutu dan kualiti pengajaran guru (Arzizul & Dg Norizah, 2018). Secara tuntasnya tidak dapat dinafikan bahawa tugas guru pada masa kini bergerak seiring dengan impian negara dalam usaha ke arah pencapaian wawasan 2020 yang penuh dengan pelbagai cabaran dan dugaan. beban tugas dan tanggungjawab terhadap tugas dalam kalangan guru perlu diberi perhatian khusus guru-guru PPKI.



Masyarakat sering menganggap menjadi seorang guru bukanlah satu tugas yang sukar, ini kerana kebanyakan mereka menganggap kerjaya guru hanya perlu duduk di dalam kelas dan menyampaikan ilmu kepada murid. Di samping itu juga pendapat bahawa guru hanya perlu membuat kerja-kerja perkeranian seperti menaip dan mengisi boring yang berkaitan dengan maklumat murid sahaja Hamdan dan Al-Muz-Zammil (2022).

Selain dari itu, guru- guru juga terbeban dengan isu-isu pendidikan seperti masalah disiplin pelajar yang berleluasa, bebanan tugasan, masalah kekurangan guru, kekurangan bilik darjah, konflik peranan, kekaburan peranan dan rangkaian masalah lain yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan boleh menggugat kesejahteraan guru sekiranya ianya tidak diatasi dari awal. Menurut (Chian & Mohamed, 2021) mendapati kebanyakan guru-guru Pendidikan Khas menghadapi permasalahan, terutamanya dalam permasalahan yang berkaitan teori pengajaran dan kemahiran amali, diikuti masalah kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup, kesukaran mendapat kerjasama daripada ibubapa pelajar dan permasalahan yang akhir berkaitan kemudahan fizikal dan bahan pengajaran untuk mata pelajaran kemahiran hidup.

Kepuasan kerja merupakan kehendak naluri setiap individu yang bekerja dan akan mendorong kepada perasaan tanggungjawab dan penglibatan yang menyeluruh ke arah pencapaian matlamat kerjaya dan menyumbang ke arah kepentingan organisasi. Kepuasan kerja dikelaskan kepada suasana bekerja, peluang kenaikan pangkat, gaji, penyeliaan dan teman sekerja yang mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kepuasan kerja dan motivasi diri (Mohd Norazmin, 2020).



Selain dari itu, faktor tekanan dilihat turut menyumbang kepada kurangnya kepuasan kerja dalam kalangan warga pendidik khusus Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Tekanan yang dialami oleh guru menjadikan guru tidak selesa dalam menjalankan tanggungjawab seharian menjadikan prestasi kerja semakin merosot, hilang minat terhadap profesion sendiri, tahap kehadiran yang tidak memuaskan serta sentiasa mengelak apabila diamanahkan tugas. Akibatnya ramai golongan pendidik ini mahu meninggalkan kerjaya guru lebih awal dari jangkaan (Mazlina, 2013; Zulaine & Mohd Khairuddin, 2021).

Menurut (Zulaine & Mohd Khairuddin, 2021) profesion pengajaran tidak boleh dianggap sebagai kerjaya yang boleh dilakukan seseorang. Ini kerana hanya mereka yang mempunyai kualiti, kemahiran, integriti, kelayakan, semangat, komitmen dan keusahawanan mempunyai nilai sebagai seorang guru. Di samping menuntut keseriusan dan tanggungjawab dalam menghadapi cabaran era globalisasi, penekanan kebajikan dan kerjaya perlu diberikan dengan sewajarnya. Peningkatan ini berlaku dalam kepuasan kerja guru untuk memotivasikan diri mereka supaya meningkatkan kemahiran mengajar, memperbaiki persekitaran pembelajaran dan meningkatkan pencapaian pelajar. Kepuasan kerja guru juga berkait rapat dengan pengambilan keputusan, autonomi tinggi di tempat kerja, keadaan persekitaran dan kemajuan dalam prestasi kerja pelajar.

Di samping tugas pengajaran, guru juga dibebani dengan tugas pengurusan klinikal dan para pelajar. Kualiti pengajaran dan pencapaian matlamat boleh menjejaskan jika masalah itu tidak dikendalikan dengan sewajarnya untuk memerintahkan. Selain itu, menurut (Hadyp, 2021) kecerdasan emosi guru dapat menjaga dan meningkatkan kemampuan guru dalam mengendalikan emosi di tempat



kerja dan meningkatkan kepuasan kerja guru. Untuk memastikan dan melindungi kesihatan pelajar Pendidikan Khas apabila mereka pergi ke sekolah, perhatian khusus mesti dikekalkan dan disediakan sebagai rutin bagi setiap aktiviti. Guru perlu menentukan garis panduan dan peraturan yang perlu diikuti oleh pelajar penting mengenai kebersihan diri. Pelajar perlu dimaklumkan mengenai tingkah laku yang betul untuk berlatih dalam kehidupan seharian.

(Ab Ilah et al., 2022) menjalankan kajian terdapat hubungan antara tahap burnout dan tahap komitmen pensyarah IPG kampus zon timur menyatakan persekitaran tempat kerja boleh mempengaruhi kepuasan kerja guru, dalam iklim organisasi sekolah, guru-guru menyemak peranan kerja mereka menentukan apa yang mereka rasakan ketika datang untuk bekerja setiap hari, kesan daripada burnout yang diperhatikan adalah penurunan komitmen kerja, prestasi kerja serta kepuasan kerja.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Keperluan kajian berkaitan beban tugas guru dari aspek, Beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik terhadap prestasi kerja guru khususnya di sekolah sekolah yang menyediakan Pendidikan Inklusif atau Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Program Pendidikan Khas integrasi ditubuhkan bagi membantu perkembangan murid secara menyeluruh selaras dengan falsafah pendidikah khas iaitu satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optima seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai



seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Akhbar *Berita Harian* bertarikh 28 Ogos 2018 melaporkan sebanyak 4.4 peratus atau 2,123 daripada 48,258 guru dikenal pasti mengalami stres tahap sederhana tinggi tahun 2018. Dapatan kajian menunjukkan stres dalam kalangan golongan itu disebabkan pelbagai faktor antaranya isu keluarga, kewangan, pentadbiran, bebanan tugas, tidak mendapat penghargaan, kurang motivasi, kekurangan kemahiran dalam menjalankan tugas dan tidak dilatih untuk menangani stress. Menurut (Ajmain et al., 2019) selain itu, guru juga menjalankan tugas-tugas perkeranian seperti memasukkan data murid, memasukkan satu (1) markah setiap murid, hal ehwal kebajikan murid, disiplin murid, akaun persatuan dan kelas, kegiatan sukan dan kokurikulum. Beban tugas yang banyak ini menyebabkan guru semakin tertekan dan mengalami stres dan tekanan emosi.

Tanggungjawab dan beban tugas guru yang semakin bertambah kini menyebabkan guru melakukan pelbagai fungsi termasuk guru Pendidikan Khas. Dalam menjalankan tugas pendidik, guru perlu membuat perancangan pengajaran, persediaan alat-alat mengajar, menyemak buku murid, menanda kertas peperiksaan, menghadiri mesyuarat serta kursus-kursus tertentu dalam usaha pemantapan pengajaran dan pembelajaran (Sri Andayani Mahdi Yusuf, 2019). Pola pendidikan pada hari ini menunjukkan perbezaan pendidikan zaman dahulu dengan pendidikan terkini. Ini kerana guru-guru diberi tanggungjawab yang begitu berat untuk mereka pikul. Kajian ini disokong oleh (Norazmi et al., 2020) menjalankan kajian terhadap beban tugas dan kepuasan kerja. Dalam kajiannya bertajuk '*Special Education Integration Program (SEIP) Teachers: Task Load And Job Satisfaction*' di Johor menunjukkan terdapat lima





elemen menjadi punca ketidakpuasan guru PPKI di Johor iaitu masa, jenis tugas, persekitaran kerja, kesediaan guru dan sumber.

Cabaran utama guru Pendidikan Khas ialah untuk membuat perancangan dalam pembelajaran bagi memenuhi kurikulum yang sesuai dengan tahap dan kebolehan kognitif setiap murid khas. Menurut (Hj. Nor & Rashed, 2018) tekanan daripada pihak atasan seperti pentadbir sekolah dan Kementerian Pendidikan juga merupakan cabaran kepada guru-guru Pendidikan Khas. Segelintir pentadbir tidak memahami dan arif mengenai murid-murid berkeperluan khas. Mereka terlalu mementingkan pencapaian akademik dan memaksa guru menghabiskan sukatan pelajaran sedangkan murid-murid masih belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Guru terpaksa mengajar mengikut sukatan meskipun ada sebahagian besar belum tahu menulis nama sendiri.



Tugas guru bukan hanya mengajar di dalam kelas bahkan guru juga dibebani dengan tugas dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah masing-masing. Kajian terhadap Beban Tugas Guru Mempengaruhi Penggunaan Sumber Teknologi Pendidikan di Empat Buah Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor dijalankan oleh Siti Hajar (2013), mengatakan beban tugas bukan akademik adalah tugas yang tidak melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran secara formal. Beban tugas yang berat, tidak menyempurnakan tugas, dimarahi oleh majikan akan menyebabkan seseorang itu mendapat tekanan.

Kajian ini disokong oleh (Norazmi, 2020) menggariskan tiga faktor yang menyumbang kepada Beban Tugas guru PPKI iaitu pelajar, kemudahan dan kepimpinan dalam kajiannya *Factors for the Task Load of Special Education*





*Integration Program (SEIP) Teachers in Johor.* Tambahan ketegangan yang berpanjangan boleh mempengaruhi psikologi seseorang seperti hilang keyakinan, cepat meradang, agresif, fikiran menjadi berstruktur dan hilang daya konsentrasi. Ini juga akan menyebabkan seorang guru itu kurang bersemangat serta tidak bermotivasi dalam menjalankan tugasnya.

Selain dari itu komitmen guru merupakan peranan utama yang meliputi pelbagai fungsi bukan sahaja terhad di sekolah, malah sebagai agen sosial dalam komuniti membuktikan profesion perguruan merupakan suatu pekerjaan yang sangat mulia dan dihormati. Namun, ia juga datang dengan sebuah tanggungjawab yang besar dan berat. Dalam konteks guru Pendidikan Khas, tugas mendidik murid dan menguruskan kelas memerlukan persediaan mental dan fizikal serta perancangan pelajaran individu (RPI) yang rapi (Hannah Aqilah Amran et al., 2019)



Tekanan kerja telah menjadi satu fenomena dalam profesion keguruan pada masa kini disebabkan oleh pelbagai perubahan dalam senario pendidikan semasa, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh pelusuk dunia. Sebahagian besar adalah disebabkan oleh faktor persekitaran organisasi, dasar-dasar baharu dalam pendidikan, masalah dalaman individu dan peningkatan pelbagai bebanan tugas sampingan sehingga melangkaui fokus dan justifikasi terhadap tugas utama iaitu menyediakan pengajaran dan pembelajaran

Menurut (Kamarudin & Taat, 2020) kajian yang dijalankan, berkaitan tahap tekanan kerja berdasarkan lokasi sekolah iaitu kawasan bandar dan luar bandar menunjukkan bahawa ciri demografi berdasarkan lokasi tidak memberikan persepsi yang berbeza terhadap masalah yang dialami namun melalui kajian tersebut





menunjukkan guru mengalami tekanan kerja dalam profesion keguruan pada masa kini. Disebabkan itu, pelbagai perubahan dalam senario pendidikan semasa, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh pelusuk dunia. Sebahagian besar adalah disebabkan oleh faktor persekitaran organisasi, dasar-dasar baharu dalam pendidikan, masalah dalaman individu dan peningkatan pelbagai bebanan tugas sampingan sehingga melangkaui fokus dan justifikasi terhadap tugas utama iaitu menyediakan pengajaran dan pembelajaran.

Kegagalan guru mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan antara pentadbir sekolah, guru dengan pelajar dan juga kualiti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran guru itu sendiri. Keadaan ini sekaligus boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan dan ini secara tidak langsung akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang khususnya mutu pendidikan. Tekanan kerja yang tinggi akan membawa kepada rasa tidak puas hati terhadap kerja yang dilakukan dan akhirnya sikap suka mengelak dan mengabaikan kerja akan terhasil.

Oleh itu kajian ini sangat penting dijalankan di daerah petaling perdana untuk mengetahui beban tugas guru dengan kepuasan guru Pendidikan Khas, kerana secara logikanya guru hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi bagi mencapai tahap kepuasan kerja yang memberi kesan pengajaran yang maksimum.





## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti Beban Tugas Guru Terhadap Kepuasan Kerja Guru Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara beban tugas guru sama ada beban Tugas guru akademik dengan beban Tugas Guru Bukan Akademik Terhadap Motivasi guru khusus bagi guru Pendidikan Khas Integrasi di sekolah rendah dan menengah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Petaling Perdana. Selain itu, kajian ini juga untuk mengetahui hubungan yang menyumbang kepada beban tugas guru terhadap motivasi.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan menjawab kesemua objektif berikut:

1. Mengetahui tahap beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.
2. Mengetahui hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.
3. Mengetahui hubungan antara beban tugas akademik dengan kepuasan kerja Guru Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.
4. Mengetahui hubungan antara beban tugas bukan akademik dengan kepuasan kerja Guru Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.

5. Mengenal pasti perbezaan antara jantina guru terhadap kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.

## 1.6 Persoalan Kajian

Secara spesifiknya kajian ini akan menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:


1. Apakah terdapat tahap beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana?
2. Adakah terdapat hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana?
3. Adakah terdapat hubungan antara beban tugas akademik dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di di Petaling Perdana?
4. Adakah terdapat hubungan antara beban tugas bukan akademik dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana?
5. Adakah terdapat pebezaan antara jantina guru terhadap kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana?

## 1.7 Hipotesis Kajian

1. Terdapat tahap beban tugas guru dengan kepuasan kerja guru Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.
2. Terdapat hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.

3. terdapat hubungan antara beban tugas akademik dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.
4. Terdapat hubungan antara beban tugas bukan akademik dengan kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.
5. Terdapat perbezaan antara jantina guru terhadap kepuasan kerja Guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Petaling Perdana.

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini memberi gambaran tentang beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian seperti dalam rajah 1.1. Kerangka konsep dalam Rajah 1.1 menunjukkan beban tugas Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sebagai pembolehubah bebas tidak bersandar dalam kajian ini. Beban tugas guru dibahagikan kepada dua bentuk iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik.



Kerangka konseptual ini dibina menggunakan teori harapan Vroom (Vroom's Expectancy Theory) pada tahun 1994 (Firmansyah, 2017) bagi mengukur beban tugas guru sama ada beban tugas guru akademik mahupun beban tugas guru bukan akademik. Theory Vroom terbahagi kepada tiga element iaitu Nilai (valence), harapan (Expectancy) dan penyebab (Instrumentality). Tiga elemen ini sangat penting dalam memastikan guru produktif untuk melaksanakan tugas. Manakala kerangka konseptual kepuasan tugas dibina menggunakan Teori Motivasi Dua Faktor Herzberg dipelopori oleh Frederick Herzberg (Frederick Hazberg, 2017). Terdapat dua konstruk dalam teori Herzberg iaitu faktor motivasi dan faktor hygin. Namun hanya faktor hygin yang digunakan bagi mengukur dan membina kerangka konseptual untuk kajian ini.

Beban tugas akademik, guru dikelaskan kepada tiga komponen iaitu tugas mengajar harian, tugas pelajar dan tugas ujian serta peperiksaan. Terdapat tiga komponen yang dikaji pada beban tugas bukan akademik iaitu urusan pentadbiran, pengurusan hal ehwal pelajar dan juga urusan kokurikulum. Selain itu beban tugas guru merujuk kepada semua tugas-tugas yang perlu dilakukan sama ada yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ataupun di luar pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah seperti membuat rancangan mengajar, menyediakan bahan bantu mengajar, menghabiskan silibus, mengemaskini rekod kehadiran pelajar, menggubal soalan dan pelbagai tugas lain-lain.

Disamping mengkaji tentang beban tugas yang dipikul oleh guru, kajian ini juga meninjau kepuasan kerja guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) terhadap beban tugas yang diterima. Kepuasan kerja dalam perkhidmatan membolehkan guru bermotivasi dan mempunyai persekitaran yang positif untuk bekerja. Ini kerana kepuasan kerja amat berharga dan wujud dalam diri setiap individu



yang bekerja kerana apabila kepuasan dicapai tugas dapat dilaksanakan dengan baik. Kepuasan kerja ini juga akan mendorong seseorang untuk melibatkan diri secara menyeluruh ke arah pencapaian dan penerimaan matlamat dan prestasi kerjaya.

## **1.9 Definisi Operasional**

Beban tugas guru boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik.

### **1.9.1 Beban Tugas Akademik**

Beban tugas akademik guru dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu mengajar harian, memberi tugas pelajar dan menyediakan atau menyemak ujian serta peperiksaan (Hamdan & M. Al-Muz-Zammil, 2022; Norashid & Hamzar, 2014). Selain tugas yang dinyatakan itu, guru juga bertanggungjawab dalam menyediakan tugas kepada para pelajar serta menyemak kerja pelajar. Tugas guru yang lain juga adalah seperti membuat penilaian dan pelaporan ujian serta peperiksaan dalaman untuk para pelajar.

Beban tugas akademik adalah tugas-tugas yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran secara formal sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Selain dari memberi tugas kepada pelajar guru juga penyediaan soalan ujian bulanan, penyediaan soalan peperiksaan penggal atau semester, penyediaan soalan latihan-tubi,



memeriksa kertas jawapan ujian bulanan dan memeriksa kertas jawapan peperiksaan penggal atau semester.

### 1.9.2 Beban Tugas Bukan Akademik

Beban tugas bukan akademik dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu Pengurusan Hal Ehwal Pelajar, Pengurusan Pentadbiran Sekolah, dan Pengurusan Kokurikulum menurut (Arzizul & Dg Norizah, 2018). Selain itu guru berperanan memastikan pelajar mematuhi peraturan sekolah, menghadiri mesyuarat berkaitan masalah disiplin pelajar, dan menangani dan mengendalikan masalah disiplin pelajar yang berlaku di dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah. Disamping itu juga guru menjalankan tugas-tugas perkeranian. Guru juga bertugas menghadiri mesyuarat sama ada mesyuarat bahagian sekolah, daerah, ataupun kebangsaan, dan guru perlu menghadiri kursus-kursus yang telah diamanahkan serta berperanan dan bertugas sebagai ketua ataupun penasihat bagi badan-badan dalam unit beruniform, kelab dan persatuan, dan persatuan rumah sukan.

Beban tugas bukan akademik guru bukan setakat akademik sahaja seperti menandatangani buku kehadiran atau memberi kerja rumah kepada pelajar tetapi juga perlu memastikan kebersihan dan keceriaan sekolah termasuk padang, kantin, bilik darjah, bilik guru, surau dan sebagainya. keselamatan pelajar juga perlu diperhatikan supaya keselamatan pelajar lebih terjamin. Guru juga menjalankan tugas-tugas perkeranian Sebagai contohnya, mengisi borang, menaip surat, menyediakan sijil, dan menyediakan minit mesyuarat. Guru juga bertindak sebagai guru penyelarassubjek, guru unit, guru setiausaha sukan, permainan, kelab, dan beruniform.



### 1.9.3 Kepuasan Kerja

kepuasan kerja dapat mempertingkatkan kualiti kerja dan produktiviti kakitangan, malah membantu mempertingkatkan pengetahuan kerja dan kemahiran kakitangan di samping mencapai kepuasan kerja, mempunyai peluang untuk merealisasikan potensi diri, mempertingkatkan kecekapan seta kelayakan diri dan berpeluang untuk kenaikan pangkat serta gaji menerusi program latihan yang berkesan (Wan Idros & Maizatul Haizan, 2015).

Kepuasan kerja adalah sangat perlu bagi mempengaruhi pekerja agar sentiasa gembira datang bekerja dan membuat kerja dengan penuh ikhlas, selain rasa hormat dan percaya kepada majikan.

### 1.9.4 Pendidikan Khas

Pendidikan Khas merupakan satu program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan murid-murid khas. Murid yang berada dalam kelas Pendidikan Khas kebiasaannya mempunyai ciri-ciri tertentu yang menghalang mereka daripada mengikuti pembelajaran seperti orang biasa termasuk masalah penglihatan dan pendengaran (Muhammad Farhan et al., 2020).



### 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang terbatas kepada sekolah-sekolah program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Daerah Petaling di Selangor kerana terhad dari segi kekangan masa, kewangan, populasi sampel dan tenaga penyelidik. Kajian ini hanya melaporkan data yang diperoleh dari laporan sendiri guru yang diperoleh dari soal selidik. Pengkaji tidak memperhatikan amalan sebenar yang dilakukan oleh guru semasa PdPC dan PDPR.

Kajian ini melihat sejauh mana hubungan beban tugas guru terhadap kepuasan kerja guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di petaling perdana. Terdapat beberapa perkara yang menjadi batasan kajian ini seperti metodologi kajian. Kajian ini merupakan kajian tinjauan iaitu data kajian dikumpul dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan hanya kepada guru Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah, sekolah menengah sekolah jenis kebangsaan cina dan sekolah vokasional yang melaksanakan program Pendidikan Khas bagi tujuan pengumpulan data.

Proses pengumpulan data adalah bergantung kepada hasil dapatan yang diperoleh dari pada instrumen soal selidik guru. Lokasi kajian dihadkan kepada sekolah rendah, sekolah menengah sekolah jenis kebangsaan cina dan sekolah vokasional yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Selangor daerah Petaling Perdana. Memandangkan guru yang mengajar opsyen PPKI tidak seramai guru-guru yang mengajar di arus perdana, menjadikan pengkaji menentukan bilangan sample kajian 100 orang sahaja dan menetapkan responden dalam kajian ini dihadkan kepada guru Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sahaja. Tambahan kebanyakan







guru tidak berminat untuk menjawab soal selidik atas sebab kuantiti soalan yang agak panjang.

Akhir sekali komitmen responden juga adalah antara batasan utama yang dialami oleh pengkaji. Hal ini kerana, pengkaji tidak boleh mengetahui sejauh mana keikhlasan dan kejujuran responden ketika menjawab soalan yang diajukan., oleh itu, kurangnya komitmen responden boleh menjejaskan hasil kajian.

### 1.11 Kepentingan Kajian

Bagi mewujudkan pembelajaran dan pengajaran (PdP) kondusif, Beban Tugas merupakan perkara yang penting kepada guru. Ini kerana ketidakimbangan dalam pembahagian skop kerja menjadikan guru akan merasa terbeban, tekanan, hilang motivasi diri dan merasa ketidakadilan skop kerja yang diberikan.

Kajian yang telah dijalankan ini penting kerana ia berperanan sebagai satu sumber rujukan kepada pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan terutamanya Pendidikan Khas. Daripada dapatan kajian ini dapat diperincikan hubungan antara

Beban Tugas yang dikenalpasti samada dari segi Beban Tugas akademik mahupun Beban Tugas bukan akademik dan akan dimanipulasi bagi mengaitkan motivasi guru Pendidikan Khas Integrasi di petaling. Maklum balas dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).





Hasil dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk menyemak semula Beban Tugas yang dihadapi oleh guru bagi meningkatkan motivasi diri dalam mengendalikan Pendidikan Khas Integrasi. Kajian yang dijalankan ini dapat memberi sumbangan dan panduan kepada pihak kementerian pelajaran Malaysia (KPM) Dalam Meningkatkan motivasi dan mengurangkan beban kerja guru terutama guru PPKI.

### 1.12 Rumusan

Beban tugas yang banyak menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dan keadaan tertekan kepada guru. Peranan guru ini bukan sahaja mengajar dan mendidik, tetapi juga dibebani dengan tugas-tugas yang tiada kaitan dengan P&P. Beban tugas ini turut ditambah apabila kerja itu perlu disiapkan dengan kadar segera.

Dalam konteks kajian ini, beban tugas yang banyak pastinya memberi kesan kepada emosi dan kualiti seorang guru. Oleh itu, pelbagai pihak bertanggungjawab dalam membantu guru menangani masalah bebanan kerja yang dihadapi. Antara pihak yang dapat membantu mengurangkan beban tugas guru adalah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak pentadbir sekolah juga diperlukan untuk memastikan kebajikan guru terbela.

Bab ini juga, telah menghuraikan secara terperinci tentang penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Penyelidikan ini dijalankan di sekolah-sekolah





rendah dan sekolah menengah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Petaling Perdana, Selangor. Bab ini juga telah menghuraikan pembolehubah yang dikaji berdasarkan kajian ini.

